



BADAN KHAIRAT KEMATIAN PENDUDUK BANDAR PUTERA 2

بادن خيرات كماتين باندرا فوئرا

SURAU AL-MUNAWWARAH BANDAR PUTERA 2 (JAI.SEL.BPM/01/033/279)

LOT 162316 JALAN KEBUN NENAS 4C, BANDAR PUTERA 2, 41200 KLANG SELANGOR

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

“Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang”

UNDANG-UNDANG PERTUBUHAN BADAN KHAIRAT KEMATIAN BANDAR PUTERA 2

Diterbitkan oleh:

BADAN KHAIRAT KEMATIAN PENDUDUK BANDAR PUTERA 2

LOT 162316 JALAN KEBUN NENAS 4C, BANDAR PUTERA 2, 41200 KLANG
SELANGOR

Cetakan Ketiga, 8 Sept 2023



BADAN KHAIRAT KEMATIAN PENDUDUK BANDAR PUTERA 2

بادن خيرات كماتين بادر قوترا

SURAU AL-MUNAWWARAH BANDAR PUTERA 2 (JAI.SEL.BPM/01/033/279)

LOT 162316 JALAN KEBUN NENAS 4C, BANDAR PUTERA 2, 41200 KLANG SELANGOR

UNDANG – UNDANG PERTUBUHAN BADAN KHAIRAT KEMATIAN PENDUDUK BANDAR PUTERA 2 KLANG SELANGOR.

SENARAI DAFTAR REKOD PINDAAN PERTUBUHAN BADAN KHAIRAT KEMATIAN PENDUDUK BANDAR PUTERA 2.

1. FASAL 2: ALAMAT DAN TEMPAT URUSAN

Menukar penaung bagi Badan Khairat Kematian Bandar Putera 2 dari Persatuan Penduduk Bandar Putera 2 kepada Surau Al-Munawwarah Bandar Putera 2. Kemas kini Alamat dan tempat urusan pertubuhan adalah seperti berikut:

ASAL:

2.1 Alamat dan tempat urusan Pertubuhan ialah D/A No. 47, Jalan Kebun Nenas 4F/KS8, Bandar Putera 2, 41200 Klang, Selangor Darul Ehsan.

PINDAAN KALI PERTAMA FASAL 2 (2.1) (MESYUARAT AGONG TAHUNAN 2020):

2.1 Alamat dan tempat urusan Pertubuhan ialah **Lot 162316 Jalan Kebun Nenas 4C, Bandar Putera 2, 41200 Klang Selangor Darul Ehsan.**

2. FASAL 7: BANTUAN KEMATIAN

ASAL:

Ahli Pertubuhan hanya layak mendapat bantuan kematian selepas tiga puluh (30) hari dari tarikh diterima menjadi ahli Pertubuhan.

PINDAAN KALI PERTAMA FASAL 7 (MESYUARAT AGONG TAHUNAN 2017)

Ahli Pertubuhan hanya layak mendapat bantuan kematian selepas tiga puluh (30) hari dari tarikh diterima menjadi ahli Pertubuhan. Walau bagaimanapun pengecualian akan diberikan sekiranya berlaku kematian akibat daripada kemalangan ataupun kematian mengejut.

ASAL:

7.5 Sekiranya kematian yang melibatkan penduduk Bandar Putera 2 yang tidak mendaftar menjadi ahli Pertubuhan tetapi ingin mendapatkan khidmat pengurusan jenazah sahaja mereka akan dikenakan bayaran sebanyak **RM 1,000.00** (Ringgit Malaysia Seribu Sahaja).

PINDAAN KALI PERTAMA FASAL 7 (7.5) (MESYUARAT AGONG TAHUNAN 2017)

7.5 Sekiranya kematian yang melibatkan penduduk Bandar Putera 2 yang tidak mendaftar menjadi ahli Pertubuhan tetapi ingin mendapatkan khidmat pengurusan jenazah sahaja mereka akan dikenakan bayaran mengikut kadar semasa.

3. FASAL 10: TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENGURUSAN**PERKARA 10.4****ASAL:**

Bendahari adalah bertanggungjawab menerima yuran pertubuhan, menyimpan buku yuran dan buku kira-kira wang masuk dan keluar serta menyediakan perkara-perkara berikut:

- Penyata kira-kira bulanan dan
- Penyata kira-kira tahunan berakhir pada 31hb Disember. Penyata kira-kira ini hendaklah diperiksa oleh Pemeriksa Kira-kira yang dilantik dan perlu dibentangkan untuk pengesahan dalam mesyuarat agong tahunan

BENDAHARI TIDAK DIBENARKAN MENYIMPAN WANG TUNAI DITANGAN LEBIH DARIPADA RM1,000.00 (RINGGIT MALAYSIA SERIBU SAHAJA) PADA SATU-SATU MASA dan semua wang yang lebih daripada itu hendaklah dimasukkan ke dalam Akaun Bank. Ia bertanggungjawab berkenaan dengan segala wang yang diterima dan dibayar serta diberi kuasa menandatangani cek-cek bagi pihak pertubuhan bersama-sama dengan Pengerusi atau Naib Pengerusi. Kira-kira Bank itu hendaklah diatas nama Pertubuhan.

***PINDAAN KALI PERTAMA (MESYUARAT AGONG TAHUNAN 2017)**

Bendahari adalah bertanggungjawab menerima yuran pertubuhan, menyimpan buku yuran dan buku kira-kira wang masuk dan keluar serta menyediakan perkara-perkara berikut:

- Penyata kira-kira bulanan dan

- Penyata kira-kira tahunan berakhir pada 31hb Disember. Penyata kira-kira ini hendaklah diperiksa oleh Pemeriksa Kira-kira yang dilantik dan perlu dibentangkan untuk pengesahan dalam mesyuarat agong tahunan

BENDAHARI TIDAK DIBENARKAN MENYIMPAN WANG TUNAI DITANGAN LEBIH DARIPADA RM1,500.00 (RINGGIT MALAYSIA SERIBU LIMA RATUS SAHAJA) PADA SATU-SATU MASA dan semua wang yang lebih daripada itu hendaklah dimasukkan ke dalam Akaun Bank. Ia bertanggungjawab berkenaan dengan segala wang yang diterima dan dibayar serta diberi kuasa menandatangani cek-cek bagi pihak pertubuhan bersama-sama dengan Pengerusi atau Naib Pengerusi. Kira-kira Bank itu hendaklah diatas nama Pertubuhan.

***PINDAAN KALI KEDUA (MESYUARAT AGONG TAHUNAN 2022)**

Bendahari adalah bertanggungjawab menerima yuran pertubuhan, menyimpan buku yuran dan buku kira-kira wang masuk dan keluar serta menyediakan perkara-perkara berikut:

- Penyata kira-kira bulanan dan
- Penyata kira-kira tahunan berakhir pada 31hb Disember. Penyata kira-kira ini hendaklah diperiksa oleh Pemeriksa Kira-kira yang dilantik dan perlu dibentangkan untuk pengesahan dalam mesyuarat agong tahunan

BENDAHARI TIDAK DIBENARKAN MENYIMPAN WANG TUNAI DITANGAN LEBIH DARIPADA RM3,000.00 (RINGGIT MALAYSIA TIGA RIBU SAHAJA) PADA SATU-SATU MASA dan semua wang yang lebih daripada itu hendaklah dimasukkan ke dalam Akaun Bank. Ia bertanggungjawab berkenaan dengan segala wang yang diterima dan dibayar serta diberi kuasa menandatangani cek-cek bagi pihak pertubuhan bersama-sama dengan Pengerusi atau Naib Pengerusi. Kira-kira Bank itu hendaklah diatas nama Pertubuhan.

FASAL 1: NAMA

- 1.1** Nama Pertubuhan ini ialah **BADAN KHAIRAT KEMATIAN PENDUDUK BANDAR PUTERA 2**. Yang selepas ini disebut Pertubuhan.

FASAL 2: ALAMAT DAN TEMPAT URUSAN

- 2.1** Alamat dan tempat urusan Pertubuhan ialah **Lot 162316 Jalan Kebun Nenas 4C, Bandar Putera 2, 41200 Klang Selangor Darul Ehsan**.

FASAL 3: TUJUAN

- 3.1** Tujuan Pertubuhan ini ialah bagi memberi bantuan kepada ahli atau tanggungan ahli sekiranya berlaku kematian iaitu menguruskan dengan sempurna dan lengkap semua pengurusan jenazah dengan syarat semua urusan dibuat di Bandar Putera 2, Klang.

FASAL 4: KEAHLIAN

- 4.1** Terbuka kepada semua penduduk warganegara dan bukan warganegara yang beragama Islam yang tinggal di Bandar Putera 2, Klang samada penduduk tetap ataupun penyewa yang berumur 18 tahun ke atas.
- 4.2** Setiap permohonan hendaklah membayar yuran keahlian serta tahunan seperti yang telah ditetapkan sebelum diterima menjadi ahli Pertubuhan.
- 4.3** Sekiranya ketua keluarga yang telah menjadi ahli Pertubuhan meninggal dunia, secara automatiknya waris akan meneruskan keahlian didalam Pertubuhan ini tanpa perlu membayar wang keahlian yang baru. Oleh itu, ahli perlu mengemaskini maklumat tentang dirinya dan warisnya kepada pihak Pertubuhan.
- 4.4** Ahli bersekutu/Definasi Ahli Bersekutu ialah individu yang tinggal berhampiran dengan Bandar Putera 2, contohnya luar dari kawasan perumahan Bandar Putera 2, sekiranya mereka ingin menjadi ahli Pertubuhan, mereka juga akan mendapat faedah yang sama seperti yang dinikmati oleh ahli yang lain.

FASAL 5: YURAN PENDAFTARAN KEAHLIAN

- 5.1** Tiap-tiap ahli baru yang memohon keahlian hendaklah membayar yuran keahlian sebanyak **RM 150.00** (Ringgit Malaysia Seratus Lima Puluh Sahaja)
- 5.2** Yuran keahlian akan digunakan bagi membeli segala kelengkapan pengurusan jenazah, membayar bil-bil yang berkaitan dengan urusan jenazah dan perbelanjaan pihak pentadbiran sahaja.
- 5.3** Bayaran yuran keahlian hendaklah dijelaskan kepada Bendahari sekurang-kurangnya **RM 50.00** (Ringgit Malaysia Lima Puluh Sahaja) semasa permohonan dan baki sebanyak **RM 100.00** (Ringgit Malaysia Seratus Sahaja) hendaklah dijelaskan dalam tempoh **4 bulan** atau sekurang-kurangnya **RM 25.00** (Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima Sahaja) sebulan selepas permohonan menjadi ahli diterima.

FASAL 6: YURAN TAHUNAN

- 6.1** Tahun Kewangan Pertubuhan berakhir pada 31hb Disember setiap tahun.
- 6.2** Tiap-tiap ahli dikenakan yuran tahunan sebanyak **RM30.00** (Ringgit Malaysia Tiga Puluh Sahaja) setahun. Bayaran perlu dibuat selewat-lewatnya pada bulan Mac setiap tahun.
- 6.3** Segala wang keahlian dan lain-lain sumber pendapatan akan digunakan untuk menanggung kos bayaran mengurus jenazah dan perkara-perkara berkaitan.
- 6.4** Kutipan wang dari ahli Pertubuhan hendaklah dimasukkan ke dalam Akaun Bank Islam di atas nama **Badan Khairat Kematian Penduduk Bandar Putera 2**.
- 6.5** Mana-mana ahli yang gagal membayar yuran tahunan selama 2 tahun berturut-turut, keahlian ahli secara automatik akan terbatal dan tidak berhak menerima manfaat bantuan kematian.

FASAL 7: BANTUAN KEMATIAN

Ahli Pertubuhan hanya layak mendapat bantuan kematian selepas tiga puluh (30) hari dari tarikh diterima menjadi ahli Pertubuhan. Walau bagaimanapun pengecualian akan diberikan sekiranya berlaku kematian akibat daripada kemalangan ataupun kematian mengejut.

Bantuan akan dikeluarkan apabila berlaku kematian seperti di bawah ini:

- 7.1 Atas kematian ahli, isteri dan tanggungan ahli seperti anak, anak angkat dan anak tiri yang belum bekerja dan belum berkahwin, anak perempuan yang sudah bekerja tetapi belum berkahwin, dan ibu/bapa (sendiri atau mertua) yang menetap di Bandar Putera 2, semua kos pengurusan jenazah akan ditanggung oleh Pertubuhan dengan syarat pengurusan jenazah dilakukan **sepenuhnya** di Bandar Putera 2 dan pengkebumiannya dibuat di tanah perkuburan yang berhampiran.
- 7.2 Jika jenazah pada Fasal 7.1 ingin **dimandi/dikafankan serta dikebumikan di luar** Bandar Putera 2, maka Pertubuhan hanya akan menyumbang sebanyak RM 500.00 (Ringgit Malaysia Lima Ratus Sahaja) bagi seorang jenazah.
- 7.3 Jika jenazah pada Fasal 7.1 ingin **dimandi dan dikafankan di Bandar Putera 2 serta dikebumi di luar kawasan khariah**, Pertubuhan hanya akan menanggung kos urusan di Bandar Putera 2 sahaja dan tidak akan menanggung selebihnya.
- 7.4 Jika kematian melibatkan ahli keluarga di rumah ahli dan pengkebumian hendak dilaksanakan mengikut Fasal 7.1 (diuruskan **sepenuhnya** di Bandar Putera 2) maka kos pengurusan adalah ditanggung oleh ahli dan Pertubuhan hanya akan menyumbang sebanyak **RM 250.00** (Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh Sahaja) untuk kanak-kanak yang berumur dibawah dua belas (12) tahun dan **RM 350.00** (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Lima Puluh Sahaja) untuk dewasa. Sekiranya jenazah tersebut dibawa pulang ke kampung, maka semua kos hendaklah ditanggung sendiri oleh ahli.
- 7.5 Sekiranya kematian yang melibatkan penduduk Bandar Putera 2 yang tidak mendaftar menjadi ahli Pertubuhan tetapi ingin mendapatkan khidmat pengurusan jenazah sahaja mereka akan dikenakan bayaran mengikut kadar semasa.
- 7.6 Ahli Bersekutu - Definasi Ahli Bersekutu ialah mana-mana individu yang tinggal berhampiran dengan Bandar Putera 2, jika mereka menjadi ahli Pertubuhan ini mereka akan menikmati faedah yang sama seperti ahli-ahli yang lain.

FASAL 8: SYARAT BANTUAN

- 8.1 Bantuan Kematian akan diberi cuma atas kematian ahli dan tanggungan-tanggungan ahli yang namanya ada di dalam pendaftar yang disimpan oleh setiausaha dengan syarat ada sijil kematian yang sah.

FASAL 9: PENTADBIRAN

9.1 Kuasa yang tertinggi di dalam pertubuhan ini terletak di atas Mesyuarat Agong. Dalam Mesyuarat Agong Tahunan ahli-ahli hendaklah memilih ahli-ahli jawatankuasa untuk mentadbir perjalanan harian pertubuhan. Mereka ini memegang jawatan selama 2 tahun. Ahli-ahli jawatankuasa itu mengandungi:-

- Seorang Pengerusi
- Seorang Naib Pengerusi
- Seorang Setiausaha
- Seorang Naib Setiausaha
- Seorang Bendahari
- Seorang Penolong Bendahari
- 7 orang Ahli Jawatankuasa Biasa

9.2 Semua ahli yang berkhidmat di dalam jawatankuasa dan tiap-tiap pegawai lain yang menjalankan tugas-tugas eksekutif pertubuhan ini hendaklah Warganegara Malaysia. Sekiranya berlaku perletakan jawatan oleh pegawai-pegawai seperti di atas, AJK Pertubuhan ini berhak memilih pengganti sebagai pemangku melalui mesyuarat AJK yang diadakan.

9.3 Nama-nama untuk jawatan di atas hendaklah dicadangkan dan disokong dan pemilihan dijalankan dengan cara mengundi oleh ahli-ahli di dalam mesyuarat agong.

FASAL 10: TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENGURUSAN

10.1 Pengerusi (dalam masa menyandang jawatannya) hendaklah menjadi pengerusi semua mesyuarat jawatankuasa dan Mesyuarat Agong. Beliau mempunyai undi pemutus dan hendaklah menandatangani peringatan mesyuarat apabila telah diluluskan dan menjalankan kerja-kerja pentadbiran mengikut peraturan sedia ada.

10.2 Naib Pengerusi akan membantu Pengerusi menyelia urusan pentadbiran pertubuhan dan hendaklah memangku jawatan Pengerusi dan juga mempengerusikan mesyuarat semasa ketiadaannya.

10.3 Setiausaha akan menguruskan segala surat-menyurat bagi pihak pertubuhan, menyimpan segala peringatan-peringatan mesyuarat jawatankuasa dan mesyuarat agong, menjaga buku-buku peringatan tentang perjalanan pertubuhan, mengadakan buku daftar bagi ahli-ahli dan menjalankan tugas-tugas lain yang patut diselenggarakan oleh Setiausaha. Buku pendaftaran ahli-ahli hendaklah sekurang-kurangnya mengandungi butir-butir seperti berikut:

Bil	Nama Ahli	Tarikh Menjadi Ahli	Umur / Tarikh Lahir	No Kad Pengenalan	Alamat Tempat Tinggal	Nama-nama Tanggungan	Nama Waris	Nama Ibubapa & Mertua yang Tinggal Serumah

10.4 Bendahari adalah bertanggungjawab menerima yuran pertubuhan, menyimpan buku yuran dan buku kira-kira wang masuk dan keluar serta menyediakan perkara-perkara berikut:

- Penyata kira-kira bulanan dan
- Penyata kira-kira tahunan berakhir pada 31hb Disember. Penyata kira-kira ini hendaklah diperiksa oleh Pemeriksa Kira-kira yang dilantik dan perlu dibentangkan untuk pengesahan dalam mesyuarat agong tahunan

Bendahari tidak dibenarkan menyimpan wang tunai ditangan lebih daripada **RM3,000.00 (Ringgit Malaysia TIGA RIBU Sahaja)** pada satu-satu masa dan semua wang yang lebih daripada itu hendaklah dimasukkan ke dalam Akaun Bank. Ia bertanggungjawab berkenaan dengan segala wang yang diterima dan dibayar serta diberi kuasa menandatangani cek-cek bagi pihak pertubuhan bersama-sama dengan Pengerusi atau Naib Pengerusi. Kira-kira Bank itu hendaklah diatas nama Pertubuhan.

10.5 Ahli jawatankuasa biasa hendaklah hadir di dalam mesyuarat dan membantu pegawai-pegawai yang di atas itu menjalankan tugas tugas mereka.

FASAL 11: MESYUARAT AGONG TAHUNAN

11.1 Mesyuarat Agong Tahunan hendaklah diadakan dengan secepat mungkin selepas berakhirnya tahun kewangan tetapi tidak lewat daripada 1hb Mac tiap-tiap tahun. Notis mesyuarat termasuk salinan laporan dan penyata kira-kira yang telah diperiksa oleh

Pemeriksa Kira-kira yang diluluskan oleh Pendaftar bagi tahun yang lalu hendaklah diedarkan kepada semua ahli mesyuarat.

11.2 Perkara-perkara yang hendak diuruskan dalam mesyuarat agong tahunan ialah:-

- Mengesahkan minit-minit mesyuarat agong yang lalu
- Menerima laporan jawatankuasa berkenaan kerja-kerja pertubuhan di dalam tahun yang lalu
- Setiap 2 tahun sekali melantik ahli-ahli jawatankuasa dan Pemeriksa Kira-kira untuk 2 tahun berikutnya
- Menguruskan lain-lain perkara yang dibentangkan di dalam mesyuarat itu

11.3 Mesyuarat Agong Tahunan hanya sah dijalankan jika dihadiri oleh ahli-ahli yang berjumlah tidak kurang dari 3 kali ganda jumlah AJK.

FASAL 12: MESYUARAT AGONG KHAS

12.1 Mesyuarat Agong Khas boleh diadakan pada bila-bila masa apabila difikirkan mustahak oleh setiausaha dalam tempoh 30 hari setelah menerima surat bertulis yang ditandatangani beramai-ramai oleh tidak kurang 1/5 daripada jumlah ahli yang menerangkan sebab-sebab hendak diadakan mesyuarat itu.

12.2 Notis agenda untuk Mesyuarat Agong Khas hendaklah diedarkan oleh setiausaha kepada semua ahli sekurang-kurangnya 7 hari sebelum bermesyuarat.

12.3 Hanya sah diadakan jika dihadiri oleh ahli tidak kurang dari 3 kali ganda jumlah AJK termasuk AJK.

FASAL 13: MESYUARAT JAWATANKUASA

13.1 Diadakan sekurang-kurangnya 3 bulan sekali dan boleh diadakan pada bila-bila masa, jika difikirkan perlu oleh Pengerusi.

13.2 Notis dan agenda untuk mesyuarat hendaklah diedarkan sekurang-kurangnya 7 hari sebelum tarikh mesyuarat.

13.3 Mesyuarat hanya sah jika dihadiri tidak kurang dari setengah jumlah AJK.

FASAL 14: PEMECATAN JAWATANKUASA ATAU BERLAKU KEMATIAN

- 14.1** Pemecatan ahli-ahli jawatankuasa dan pemilihan penggantinya boleh dilakukan di dalam mesyuarat agong khas. Mesyuarat Jawatankuasa hanya boleh melantik pemangku bagi jawatan-jawatan yang kosong kerana berhenti atau meninggal dunia.

FASAL 15: PEMERIKSA KIRA-KIRA

- 15.1** Dua orang yang bukan ahli jawatankuasa hendaklah dilantik di dalam mesyuarat agong tahunan (2 tahun sekali) sebagai Pemeriksa Kira-kira. Mereka hendaklah memeriksa kira-kira pertubuhan bagi tempoh setahun dan membuat laporan untuk mesyuarat agong tahunan. Mereka juga boleh memeriksa kira-kira pertubuhan pada bila-bila masa yang difikirkan perlu oleh Pengerusi. Sekurang-kurangnya sekali setiap tahun, kira-kira hendaklah dikemukakan kepada Pemeriksa Kira-kira Persatuan Penduduk, Bandar Putera 2.

FASAL 16: PERKARA AM

- 16.1** Tiap-tiap ahli hendaklah diberi dengan percuma satu salinan Undang-Undang Pertubuhan ini apabila diterima menjadi ahli.
- 16.2** Sesuatu perbelanjaan yang tidak melebihi daripada **RM1, 000.00** (Ringgit Malaysia Satu Ribu Sahaja) boleh dibenarkan oleh Bendahari bersama-sama dengan Pengerusi dan Setiausaha dan disahkan di dalam mesyuarat jawatankuasa kemudiannya.
- 16.3** Sesuatu perbelanjaan yang lebih daripada **RM1, 000.00** (Ringgit Malaysia Satu Ribu Sahaja) dan tidak melebihi **RM5, 000.00** (Ringgit Malaysia Lima Ribu Sahaja) tidak boleh dilakukan sebelum diluluskan terlebih dahulu oleh mesyuarat jawatankuasa.
- 16.4** Perbelanjaan yang lebih daripada **RM5, 000.00** (Ringgit Malaysia Lima Ribu Sahaja) tidak boleh dilakukan sebelum diluluskan terlebih dahulu oleh mesyuarat agong tahunan.
- 16.5** Ahli yang hendak berhenti daripada pertubuhan ini hendaklah memberi kenyataan bertulis dua (2) minggu terlebih dahulu kepada Setiausaha dan membayar segala hutang piutangnya dan tidak boleh membuat tuntutan pemulangan wang dalam **Fasal 4.2**.

FASAL 17: PENGAMANAH

- 17.1** Tiga (3) orang pengamanah yang berumur lebih daripada 21 tahun hendaklah dilantik di dalam mesyuarat agong dan mereka akan berkhidmat selama dikehendaki oleh pertubuhan. Kepada mereka akan diamanahkan semua harta tetap dan pelaburan kumpulan wang pertubuhan. Seorang ahli yang memegang jawatan Setiausaha dan Bendahari dalam Pertubuhan ini tidak boleh dilantik menjadi pengamanah.
- 17.2** Suatu salinan ketetapan melantik seorang pemegang amanah yang ditandatangani oleh pengamanah yang dilantik dan disahkan oleh Setiausaha hendaklah dihantar kepada Pengerusi Persatuan Penduduk Bandar Putera 2, Klang.
- 17.3** Seorang pengamanah boleh dilucutkan jawatannya dalam mesyuarat agong sebab uzur kerana penyakit, tidak siuman, tidak berada dalam negeri atau atas lain sebab yang dia tidak boleh menjalankan tugas atau pekerjaannya dengan memuaskan. Jika berlaku kematian, perletakan jawatan atau perlucutan jawatan bagi seseorang pengamanah maka kekosongan itu boleh dipenuhi oleh pengamanah yang baru dilantik di dalam mesyuarat agong.

FASAL 18: TAFSIRAN

- 18.1** Diantara berlangsungnya mesyuarat agong, mesyuarat AJK boleh memberi tafsiran kepada undang-undang ini dan memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung di dalam undang-undang ini. Keputusan jawatankuasa ini adalah muktamad sehingga diubah oleh keputusan mesyuarat agong.

FASAL 19: PINDAAN UNDANG-UNDANG

- 19.1** Undang-undang ini sah digunakan bermula dari tarikh 27 April 2017 sehingga ada pindaan yang diluluskan. Segala pindaan undang-undang ini hendaklah diluluskan di dalam mesyuarat agong oleh ahli-ahli yang hadir dengan suara terbanyak, akan tetapi pindaan kepada undang-undang yang akan mengurangkan bantuan yang ditetapkan di dalam undang-undang ini hanya boleh dibuat dengan persetujuan $\frac{3}{4}$ daripada jumlah ahli-ahli pertubuhan dengan cara undi sulit.